

Headline	Perlu persetujuan empat negeri sebelum isytihar empat lagi tapak warisan dunia		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	10 Oct 2018	Color	Black/white
Section	News	Circulation	32,799
Page No	8	Readership	98,397
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,032
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,097



Perlu persetujuan empat negeri sebelum isytihar empat lagi tapak warisan dunia

GEORGE TOWN: Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan sedang berusaha mendapatkan persetujuan daripada beberapa kerajaan negeri sebelum empat lagi tapak warisan di Malaysia dapat diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai tapak warisan dunia.

Timbalan Menterinya Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata empat tapak berkenaan ialah Taman Negara, Royal Belum di Gerik, Perak, Permatang Kuarza di Gombak, Selangor, dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Menurut beliau, keempat-empat tapak warisan ini telah dimasukkan ke dalam senarai tidak rasmi UNESCO sementara menunggu persetujuan daripada kerajaan negeri yang berkenaan.

“Setakat ini kami berdepan beberapa cabaran untuk mendapatkan persetujuan daripada kerajaan Pahang, Kelantan dan Terengganu bagi tapak Taman Negara sejak 10 tahun lepas, tetapi bagi tiga tapak lagi, tiada sebarang masalah.

“Saya harap ketiga-tiga negeri ini dapat memberi persetujuan segera supaya kami dapat memanjangkannya kepada

UNESCO,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Arkeologi Kebangsaan di sini semalam.

Muhammad Bakhtiar berkata ia bertujuan mengisyiharkan tapak berkenaan, yang mempunyai nilai sejarah dan warisan, sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO daam usaha melindungi biokepelbagaiannya serta keunikannya.

Menurutnya kementerian menerusi Jabatan Warisan Negara turut berganding bahu bersama agensi dan universiti dengan mengadakan penyelidikan untuk mengenal pasti kawasan yang boleh dijadikan tapak warisan negara sebelum dikemukakan kepada UNESCO dan diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Pada masa ini, empat tapak di Malaysia diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia termasuk George Town/Melaka, Lembah Lenggong, Taman Kinabalu dan Gunung Mulu di Sarawak.

Bagaimanapun, Muhammad Bakhtiar yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau berkata, kementeriannya dalam usaha mengenal pasti lebih banyak tapak warisan negara, termasuk Masjid Kapitan Keling dan Penang Free School di Pulau Pinang.

Sebagai rekod, Malaysia kini mempunyai 965 tapak arkeologi dengan 822 tapak berada di daratan manakala 143 tapak lagi di dasar laut.

“Sejumlah 13 tapak telah diwartakan sebagai Tapak Warisan Negara dan lapan lagi sebagai tapak warisan dibawah Jabatan Warisan Negara,” katanya.

Mengenai Gua Kepah di Kepala Batas, lokasi penemuan rangka manusia prasejarah yang dianggarkan berusia sekurang-kurangnya 5,000 tahun, Bakhtiar berkata tapak itu sebenarnya sebahagian daripada Lembah Bujang di Kedah dan kementeriannya bekerjasama dengan kerajaan negeri terabit untuk mewujudkan sebuah kompleks arkeologi di Sungai Batu.

“Gua Kepah ini sebenarnya sebahagian daripada Lembah Bujang merentasi dari Kedah ke Cerok Tokun di Pulau Pinang meliputi kawasan seluas 224 kilometer dan kompleks arkeologi ini akan memamer serta menceritakan tentang penemuan di Gua Kepah itu selepas ia diwartakan sebagai tapak Warisan Negara,” katanya.

Lembah Bujang dalam daerah Merbok di Kedah mempunyai tapak arkeologi terkaya di Malaysia, dengan menempatkan lebih 50 candi purba. — Bernama